

**MINIT MESYUARAT AGUNG KALI KE-23
PERSATUAN JURUANALISA SISTEM SEKTOR AWAM (PERJASA)**

Tarikh : 13 Disember 2016 (Rabu)
Masa : 9:00 pagi
Tempat : Auditorium JPM
Blok B1 Kompleks B
Jabatan Perdana Menteri
Putrajaya
Kehadiran : 158 ahli seperti di Lampiran A

1. UCAPAN ALUAN OLEH YBRS. PUAN PRESIDEN

- 1.1. Presiden PERJASA, YBrs. Puan Azlina Azman mengucapkan selamat pagi dan salam sejahtera kepada ahli-ahli yang hadir pada Mesyuarat Agung kali ke-23. Beliau memaklumkan bahawa mesyuarat agung kali ini amat penting bagi melantik barisan Ahli Exco PERJASA baru bagi sesi 2017-2019.
- 1.2. Beliau seterusnya merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Exco PERJASA Sesi 2015-2017 atas segala usaha dan sumbangan yang diberikan kepada PERJASA.
- 1.3. Beliau juga memaklumkan bahawa PERJASA tidak mempunyai maklumat dan tidak dilibatkan dalam sesi perbincangan berhubung isu penswastaan yang melibatkan PTM Sektor Awam kerana perkara tersebut masih di peringkat embargo dan dalam perhatian MAMPU.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG YANG KE-22.

- 2.1. Minit Mesyuarat Agung kali yang ke-22 dicadang disahkan oleh Encik Chandran (Jabatan Meteorologi) dan disokong oleh Puan Nor Salfiza Sabri (MAMPU) tanpa sebarang pindaan.

3. PEMBENTANGAN LAPORAN KEGIATAN DAN AKTIVITI PERJASA 2015-2017

- 3.1. Encik Mohd Naim Mohd Ibrahim (KDN) selaku wakil Setiausaha PERJASA, Puan Haini Syariah Mohamad Zan (JPA) telah membentangkan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan seperti dalam Laporan Kegiatan dan Aktiviti PERJASA Sesi 2015-2017.
- 3.2. YBrs. Puan Presiden merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Puan Salmiza Shahrman iaitu mantan Setiausaha PERJASA dan semua barisan Exco dan ahli yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merancang, melaksana dan menjayakan aktiviti-aktiviti sepanjang 2015-2017.
- 3.3. YBrs. Puan Presiden memaklumkan antara aktiviti yang signifikan dan berjaya dilaksanakan pada Sesi 2015-2017 adalah Sesi Libat Urus Pengurusan Tertinggi MAMPU Bersama PERJASA dan penganjuran *MyDigital Leaders Convention 2017* yang berlangsung pada 29 November di MAEPS.
- 3.4. Laporan Kegiatan dan Aktiviti PERJASA 2015-2017 seperti di **Lampiran B** dicadang disahkan oleh Dr. Jayaletchumi A/P T Sambantha Moorthy (INTAN) dan disokong oleh Puan Rohana Abdul Rahman (MAMPU).

4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN SESI 2015-2017

- 4.1. Laporan Kewangan dan Penyata Kira-kira PERJASA yang diaudit bagi tempoh sehingga 31 November 2017 telah dibentangkan oleh Puan Bendahari, Puan Azizah Sunar (MAMPU).
- 4.2. Penyata Kewangan bagi tempoh sehingga 31 November 2017 seperti di **Lampiran C** dicadang disahkan oleh Dr. Nur Azaliah Abu Bakar (MAMPU) dan disokong oleh Puan Faridah Mohamad (JPA).

5. PEMBUBARAN JAWATANKUASA PERJASA SESI 2015-2017

- 5.1. YBrs. Puan Presiden merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Exco 2015-2017 atas kerjasama dan komitmen yang diberikan dan seterusnya membubarkan Jawatankuasa PERJASA bagi Sesi 2015-2017.

6. PEMILIHAN SEORANG PENERUSI SEMENTARA MESYUARAT DAN DUA ORANG PENCATAT MINIT

- 6.1. Encik Mohamed Hairul Othman (JPA) mencadangkan pelantikan Encik Ahmad Osman (MAMPU) sebagai Pengerusi Sementara mesyuarat dan disokong oleh Puan Rohana Abdul Rahman (MAMPU). Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan pelantikan Encik Ahmad Osman (MAMPU) sebagai Pengerusi Sementara mesyuarat ini.
- 6.2. Puan Mazilah Mohamad Amin (SWCorp) dan Puan Zulfa Mohamed Hamim @ Abdul Hamid (APMM) dicadangkan sebagai Pencatat Minit Mesyuarat Agung dengan sokongan sebulat suara.

6.3. Mesyuarat dimaklumkan mengenai tatacara untuk melaksana proses pengundian kepada semua ahli yang telah mendaftarkan kehadiran ke Mesyuarat Agung pada kali ini.

7. PEMILIHAN JAWATANKUASA PERJASA SESI 2017-2019

7.1. Berikut adalah keputusan pemilihan Ahli Jawatankuasa PERJASA bagi tempoh 2017-2019:

7.1.1 Jawatan Presiden

- a) Tuan Haji Ahmad Osman (MAMPU)
Pencadang: Encik Mohd Ridzam Bin Ahmad (KDN)
Penyokong: Puan Rohana Abdul Rahman (MAMPU)

- b) Encik Zakaria Deraman (MAMPU)
Pencadang: Encik Mohd Fairuze Bin Mohd Fadzil (AADK)
Penyokong: Puan Norhayati Abdullah (MAMPU)

Keputusan:

Tuan Hj. Ahmad Osman	: 105 undi
Encik Zakaria Deraman	: 17 undi

Tuan Haji Ahmad Osman telah dilantik sebagai Presiden.

7.1.2 Jawatan Timbalan Presiden

- a) YBrs. Dr. Nor'Ashikin Binti Ujang (JPA)
Pencadang: Puan Faridah Mohamad (JPA)
Penyokong: Puan Muamillah Hj Anuar (MAMPU)

- b) Encik Khairuddin Yahaya (MAMPU)
Pencadang: Puan Norrizah Abu Samah (MOH)
Penyokong: Puan Wan Hernie Mahadi (MOH)

Keputusan:

YBrs. Dr. Nor'Ashikin binti Ujang : 105 undi
Encik Khairuddin Yahaya : 17 undi

**YBrs. Dr. Nor'Ashikin binti Ujang telah dilantik sebagai
Timbalan Presiden.**

7.1.3 Jawatan Bendahari

- a) Cik Hazliana Talha (ISTIADAT)
Pencadang: Mohd Naim Mohd Ibrahim (KDN)
Penyokong: Puan Fauezah (DOSM)

Keputusan:

Cik Hazliana Talha telah dilantik sebagai Bendahari.

7.1.4 Jawatan Ahli Jawatankuasa

- a) Encik Mohd Naim Mohd Ibrahim (KDN)
Pencadang : Puan Saadiah Abdul Rani (BHEUU)
Penyokong : Encik Mohamad Hairul Othman (JPA)

- b) Encik Mohd Farizul Ghani (KPM)
Pencadang : Puan Fauezah (DOSM)
Penyokong : Puan Nor Aliza Binti Ali (KPM)

- c) Puan Mazilah Mohamad Amin (SWCorp)
Pencadang : Puan Faridah Mohamad (JPA)
Penyokong : Puan Rohana Abdul Rahman (MAMPU)

- d) Dr. Nur Azaliah Abu Bakar (MAMPU)
Pencadang : Puan Norhayati Abdullah (MAMPU)
Penyokong : Cik Hazliana Talha (ISTIADAT)

- e) Encik Hariadi Hinta (JPA)
Pencadang : Puan Felicia Chua Swee Swan (MAMPU)
Penyokong : Encik Farizul Bin Mat Ghani (KPM)

- f) Encik Mohamed Hairul Othman (JPA)
Pencadang : Encik Adi Azlan Mohd Ali (JPA)
Penyokong : Puan Azlina Azman (JPA)

- g) Encik Luqman Bin Subki (MKN)
Pencadang : Encik Farizul Bin Mat Ghani (KPM)
Penyokong : Encik Hariadi Hinta (JPA)

- h) Puan Fauziah (KKM)
Pencadang : Encik Mustaffa Bin Baharuddin (KKM)
Penyokong : Encik Zulqarnain Bin Baharau (KKM)

- i) Dr. Jayaletchumi A/P T Sambantha Moorthy (INTAN)
Pencadang : Puan Azmawati Binti Che Azmi (JUPEM)
Penyokong : Puan Sri Lakshmi A/P Kanniah (MAMPU)

- j) Puan Kamisah Binti Pardi @ Abd Aziz (NACSA)
Pencadang : Puan Azizah Sunar (MAMPU)
Penyokong : Encik All Imran Mohd Nor (NRE)

- k) Puan Mazriyah Abdul Wahab (JPA)
Pencadang : Puan Norkhamsiah Binti Abdul Malik (KPM)
Penyokong : Puan Nor Aliza Binti Ali (KPM)

- l) Puan Zainab Mohamed Shah (KPM)
Pencadang : Puan Siti Norliayana Binti Markuni (KPM)
Penyokong : Puan Suhaiza Sudirman (MAMPU)

- m) Encik Adi Azlan Mohd Ali (JPA)
Pencadang : Dr. Siti Istianah (MAMPU)
Penyokong : Encik Mohamad Hairul Othman (JPA)

- n) Encik Wan Mohd Haffiz Bin Mohd Nasir (DOSM)
Pencadang : Encik Mohd Ridzwan Bin Mansor (MAMPU)
Penyokong : Encik Mohd Rizal Kadis (JAKIM)

- o) Encik Roslan Ngah (KPT)
Pencadang : Encik Encik Zulqarnain Bin Baharau (KKM)
Penyokong : Encik Mustaffa Bin Baharuddin (KKM)

- p) Puan Saidatina Asmah Binti Ajuhary (NRE)
Pencadang : Encik Mohd Naim Mohd Ibrahim (KDN)
Penyokong : Encik Mohamad Hairul Othman (JPA)

Puan Azlina Azman (JPA) mencadangkan cadangan ditutup dan disokong oleh Encik Zakaria Deraman (MAMPU).

**Undian bagi pemilihan Ahli Jawatankuasa Sesi 2015-2017
adalah seperti di bawah:**

- a. Encik Mohd Naim Mohd Ibrahim (102 undi)
- b. Encik Mohd Farizul Ghani (46 undi)
- c. Puan Mazilah Mohamad Amin (74 undi)
- d. Dr. Nur Azaliah Abu Bakar (91 undi)
- e. Encik Hariadi Hinta (62 undi)
- f. Encik Mohamed Hairul Othman (89 undi)
- g. Encik Luqman Bin Subki (105 undi)
- h. Puan Fauziah (34 undi)
- i. Dr. Jayaletchumi A/P T Sambantha Moorthy (120 undi)
- j. Puan Kamisah Binti Pardi @ Abd Aziz (49 undi)
- k. Puan Mazriyah Abdul Wahab (18 undi)
- l. Puan Zainab Mohamed Shah (47 undi)
- m. Encik Adi Azlan Mohd Ali (94 undi)
- n. Encik Wan Mohd Haffiz Bin Mohd Nasir (49 undi)
- o. Encik Roslan Ngah (29 undi)
- p. Puan Saidatina Asmah Binti Ajuhary (97 undi)

Keputusan :

Pemilihan Ahli Jawatankuasa adalah berdasarkan kepada tujuh undian tertinggi iaitu:

- i) Dr. Jayaletchumi A/P T Sambantha Moorthy (INTAN)
- ii) Encik Luqman Bin Subki (MKN)
- iii) Encik Mohd Naim Mohd Ibrahim (KDN)
- iv) Puan Saidatina Asmah Binti Ajuhary (NRE)
- v) Encik Adi Azlan (JPA)
- vi) Dr. Nur Azaliah Abu Bakar (MAMPU)
- vii) Encik Mohamed Hairul Othman (JPA)

7.1.5 Pemeriksa Kira-Kira

Mesyuarat bersetuju melantik Puan Mazilah Mohamad Amin (SWCorp) dan Encik Hariadi Hinta (JPA) sebagai Pemeriksa Kira-kira Sesi 2017-2019.

8. PEMBENTANGAN USUL

8.1. Usul-usul berikut yang diterima melalui e-mel menggunakan borang usul yang dikemukakan sebelum mesyuarat dan yang dibangkitkan semasa mesyuarat adalah seperti di **Lampiran D**.

9. PENUTUP

9.1. Y.Brs. Tuan Presiden mengucapkan ribuan terima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepada barisan Exco PERJASA Sesi 2017-2019. Beliau seterusnya mengharapkan sokongan dan kerjasama semua ahli kepada barisan Exco baru supaya dapat melaksanakan amanah yang diberikan dengan lebih berkesan.

9.2. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.35 tengah hari.

Pencatat Minit

Puan Mazilah Mohamad Amin

Puan Zulfa Mohamed Hamim@Abdul Hamid

Tarikh : 13 Disember 2017

Pengesahan oleh Presiden

Encik Ahmad Bin Osman

Tarikh : Januari 2018

Semakan oleh Setiausaha

Cik Noor Hasliza Mohd Hassan

Tarikh : Januari 2018